

# **Impak Penyebaran Berita Palsu Melalui Media Sosial Terhadap Masyarakat: Kajian Kes Mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia**

***Impact of Spreading False News through Social Media on The Community: A Case Study of Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Students***

**Shahidah Hamzah<sup>1\*</sup>, Fauziah Ani<sup>2</sup>, Norizan Rameli<sup>3</sup>, Noranifitri Md Nor<sup>4</sup>, Harliana Halim<sup>5</sup>, Riki Rahman<sup>6</sup>, Adi Syahid Mohd Ali<sup>7</sup>, Nizam Attan<sup>8</sup>, Khairol Anuar Kamri<sup>9</sup>**

<sup>1,2,3,4,5,6,7,8,9</sup> Kumpulan Fokus, Pembangunan Masyarakat, Budaya dan Ekonomi, Jabatan Sains Sosial, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn, MALAYSIA

\*shahidahh@uthm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/ahcs.2020.01.01.005>

Received 19 October 2020; Accepted 25 October 2020; Available online 02 Month 2020

**Abstrak:** Dalam era kini, media sosial merupakan teknologi yang tidak asing kepada setiap individu tanpa mengira peringkat umur, jantina dan kaum. Statistik Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) menunjukkan sehingga Disember 2018, Malaysia mempunyai 28.7 juta pengguna Internet yang merupakan 87.4 peratus daripada jumlah penduduk negara ini. Hal ini kerana dunia ini telah dikelilingi dengan kemajuan sains dan teknologi yang dapat membawa pengaruh yang besar secara tidak langsung kepada ketamadunan manusia zaman sekarang dan juga memberi kesan sama ada positif atau negatif bergantung kepada pengguna secara masing-masing. Oleh itu, tidak dapat dinafikan satu fenomena komunikasi di dunia Internet yang semakin popular pada ketika ini ialah media sosial. *Facebook*, *Twitter*, *Instagram*, *Path*, *Pinterest* hingga *Google+* semakin digunakan secara universal dan meluas. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi masyarakat terhadap penyebaran berita dan maklumat melalui media sosial terhadap pembinaan etika dalam kalangan masyarakat. Satu reka bentuk kajian menggunakan borang soal selidik melalui Google Form telah dijalankan ke atas 150 orang warga UTHM Kampus Pagoh iaitu terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi. Hasil kajian mendapati pembinaan etika

\*Corresponding author: shahidahh@uthm.edu.my

2020 UTHM Publisher. All rights reserved.

[publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/ahcs](http://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/ahcs)

merupakan salah satu unsur yang paling penting kepada penyebaran berita dan maklumat melalui media sosial supaya medium ini tidak disalahgunakan oleh masyarakat dari semasa ke semasa.

**Kata Kunci:** Berita Palsu, Media Sosial, Impak Negatif

**Abstract:** In today's era, social media is a technology that is not unfamiliar to every individual regardless of age, gender, and race. Statistics from the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) show that as of December 2018, Malaysia has 28.7 million Internet users which are 87.4 percent of the total population of the country. This is because the world has been surrounded by scientific and technological advances that can have a great influence indirectly on modern human civilization and also have an impact whether positive or negative depending on the individual user. Therefore, there is no denying that one communication phenomenon in the Internet world that is increasingly popular at this time is social media. Facebook, Twitter, Instagram, Path, Pinterest to Google+ are increasingly universally and widely used. This study aims to identify public perceptions of the dissemination of news and information through social media on ethical construction among the community. A study design using a questionnaire through Google Form was conducted on 150 members of Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Pagoh Campus, which consists of students. The results of the study found that the construction of ethics is one of the most important elements of the dissemination of news and information through social media so that this medium is not abused by society from time to time.

**Keywords:** Fake News, Social Media, Negative Impact

## 1. Pengenalan

Media sosial merupakan medium perhubungan dan penyebaran maklumat serta telah menjadi satu trend dalam kehidupan masyarakat masa kini terutamanya golongan remaja. Hal ini dapat dibuktikan melalui hasil kajian Laporan Digital 2019 yang dikeluarkan *Hootsuite* dan *We Are Social* menjelaskan 3.5 bilion atau 45 peratus penduduk dunia kini menggunakan *media* sosial sehari-hari. Malaysia merupakan negara ke-5 di dunia dan tempat teratas di Asia Tenggara yang paling aktif dalam media sosial (<https://wearesocial.com/global-digital-report-2019, 2019>).

Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Ke-4, media membawa maksud alat atau perantara komunikasi (perhubungan) seperti radio, televisyen dan akhbar manakala sosial pula bermaksud segala yang berkaitan dengan masyarakat, perihal masyarakat serta kemasyarakatan. Menurut [7] sosial adalah media yang digunakan oleh individu agar menjadi sosial atau menjadi sosial secara perkongsian melalui kaedah seperti berkongsi isi, berita, foto dan dengan orang lain. Media sosial yang popular dalam kalangan masyarakat Malaysia adalah *facebook, whatsapp, messenger, instagram* dan *youtube*.

Pada masa kini, media sosial telah disalahgunakan oleh segelintir masyarakat yang tidak beretika untuk menyebarkan berita dan maklumat palsu yang boleh mendatangkan kesan negatif kepada individu, keluarga, masyarakat dan negara. Maklumat dan berita palsu tersebut mengandungi unsur penipuan, mengapi-apikan sentimen perkauman dan memfitnah seseorang untuk menjatuhkan maruah dan reputasi dan sebagainya. Hal ini amat membimbangkan kerana maklumat dan berita seperti ini boleh menyebabkan kesan negatif ke atas penerimaan dan

penggunaan. Berdasarkan artikel [1] mantan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak telah mengingatkan setiap individu perlu tapisan sendiri ketika menggunakan kemudahan itu.

Kemunculan media sosial yang berkembang pesat juga telah mengubah gaya hidup dan rutin kehidupan masyarakat. Hal ini kerana kemudahan yang semakin canggih menyebabkan seseorang dapat mengaksesnya bukan hanya menerusi penggunaan komputer mudah alih tetapi menerusi telefon pintar yang turut dilengkapi kemudahan melayari internet. Oleh itu, pihak berkepentingan seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), CyberSecurity Malaysia dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) memainkan peranan yang penting dalam proses mengambil tindakan terhadap pengguna yang telah menyalahgunakan kemudahan ini melalui kaedah terperinci dan akta-akta yang digubal supaya isu penyebaran berita dan maklumat palsu ini tidak akan terus mewarnai senario semasa negara. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) melarang sebarang bentuk perkongsian kandungan yang bersifat palsu, jelik dan mengancam adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998. Dengan hukuman yang dikenakan, setiap individu akan mendapat pengajaran bahawa seseorang yang gemar menyalahgunakan media sosial harus bertanggungjawab atas perbuatan sendiri.

Selain itu, media sosial dapat menyenangkan segala pengurusan dengan berjaya menghubungkan dan menggabungkan komuniti masyarakat dunia untuk berhubung dan berinteraksi dengan orang lain. Media sosial juga merupakan platform penyebaran maklumat dan berita yang terpantas. Pokok pangkalnya, bukan sahaja kesan negatif dibawa oleh media sosial terdapat juga kebaikannya kepada masyarakat dengan adanya pembentukan pengguna yang beretika.

## **2. Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu pengumpulan data menggunakan instrumen soal selidik. Responden yang dipilih merupakan mahasiswa dan mahasiswi Universiti Tun Hussein Onn Malaysia serta mempunyai ciri-ciri seorang belia daripada bandar dan luar bandar dan menggunakan aplikasi media sosial di internet.

Kajian ini dijalankan ke atas mahasiswa dan mahasiswi yang berumur antara 18 hingga 25 tahun melibatkan 150 orang responden. Responden dalam kajian ini melibatkan pelbagai peringkat umur, gender dan kaum. Data-data yang diperolehi daripada kajian dianalisis menggunakan perisian SPSS. Demografi responden adalah seperti jadual 1 di bawah.

## **3. Dapatan Kajian**

Bahagian ini akan membincangkan hasil kajian yang telah diperolehi daripada analisis diskriptif terhadap responden kajian.

### **3.1 Demografi Responden**

Jadual 1 menunjukkan peratusan di antara jumlah responden lelaki adalah lebih tinggi berbanding responden perempuan.

**Jadual 1: Jantina Responden**

Jantina	Jumlah	Peratusan (%)
Lelaki	96	64
Perempuan	54	36

Responden kajian ini juga terdiri daripada dua kategori umur iaitu berumur dalam lingkungan 18 hingga 20 tahun dan 21 hingga 25 tahun. Jadual menunjukkan 86 peratus responden berumur 21 hingga 25 tahun.

**Jadual 2: Umur Responden**

Jantina	Jumlah	Peratusan (%)
< 20 tahun	21	14
21 - 25	129	86

Jadual 3 menunjukkan seramai 70 orang responden atau 47 peratus merupakan etnik Melayu, 27 peratus etnik Cina, 23 peratus responden etnik India dan 3 peratus lain-lain terlibat dalam kajian ini.

**Jadual 3: Etnik**

Etnik	Jumlah	Peratusan (%)
Melayu	70	47
Cina	40	27
India	35	23
Lain-lain	5	3

Dalam aspek pendidikan pula, jadual 4 menunjukkan 14 peratus responden merupakan pelajar diploma dan 86 peratus merupakan pelajar ijazah sarjana muda.

**Jadual 4: Pendidikan**

Pendidikan	Jumlah	Peratusan (%)
Diploma	21	14
Sarjana Muda	129	86

### 3.2 Isu dan Impak Penyebaran Berita Palsu Melalui Media Sosial Terhadap Masyarakat


Terdapat pelbagai kesan negatif penyebaran berita dan maklumat palsu oleh pengguna kepada masyarakat. Berikut merupakan dapatan data yang diperolehi daripada responden menerusi borang soal selidik yang telah diedarkan.

#### 3.2.1 Info Berhubung Pandemik COVID-19 yang Tersebar Secara Berleluasa oleh Masyarakat Menyebabkan Munculnya Berita Palsu.

Graf 1 menunjukkan 60 orang responden (40 peratus) bersetuju dan 82 orang (55 peratus) sangat bersetuju dengan isu berhubung penyebaran maklumat semasa pandemik COVID-19. Manakala 5 orang (3 peratus) tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Majoriti responden memilih setuju dan sangat setuju kerana individu yang tidak beretika mempunyai amalan 'breaking news syndrome' iaitu sindrom menyebar berita terawal di mana apabila mereka memperolehi maklumat sahaja, mereka bertindak menyebarkan maklumat tersebut tanpa mengesahkan yang maklumat tersebut benar atau tidak. Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menjelaskan bahawa penularan berita palsu sedemikian sekali gus mencerminkan tindakan tidak bertanggungjawab, selain berupaya menggugat keharmonian awam. Bagi mengelakkan tindakan ini dilakukan oleh orang ramai, pembinaan etika dalam kalangan masyarakat mesti dijalankan supaya setiap individu dapat

memastikan maklumat tersebut adalah benar, berfakta dan berinformasi yang boleh sama-sama dikongsikan sebelum menyebarkannya. Jadikanlah ia satu budaya dalam memastikan maklumat dan berita yang kita terima itu adalah sahih, baik dan tepat.




**Graf 1: Info berhubung dengan pandemik COVID-19 yang tersebar secara berleluasa oleh masyarakat menyebabkan munculnya berita palsu.**

### 3.2.2 Berita Palsu Berkaitan Situasi Ketidaktentuan Politik Negara Pada Masa Kini yang Disebarkan Melalui Media Sosial Menjejaskan Ketenteraman Awam.


Berdasarkan graf 2, majoriti responden iaitu 138 orang bersamaan 92% bersetuju dan sangat bersetuju dengan pernyataan di atas. Terdapat juga 12 orang responden iaitu sebanyak 8% sangat tidak setuju dan tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Hal ini kerana penyebaran berita dan maklumat palsu berkaitan dengan situasi ketidaktentuan politik negara seperti pemilihan Perdana Menteri Malaysia yang baru disebabkan peletakan jawatan Perdana Menteri yang ke-7 telah memberi kejutan kepada rakyat Malaysia pada masa kini. Media sosial memainkan peranan dalam penyebaran maklumat yang tidak dapat ditentukan kesahihannya. Berita palsu perkara ini telah menyebabkan rakyat hilang keyakinan terhadap pemimpin negara dan menimbulkan pelbagai isu negatif dan sensitif sehingga terjadinya perpaduan negara terjejas. Oleh itu, sebagai rakyat yang beretika, kita tidak patut mempercayai berita palsu dan menjadi batu api sebaliknya haruslah menunggu berita yang telah sah diumumkan.



**Graf 2: Situasi ketidaktentuan politik negara pada masa kini yang disebarluaskan melalui media sosial menjelaskan ketenteraman awam**

- 3.2.3 Penyebaran Berita Palsu Berkaitan Pengisytiharan Cuti Umum Malaysia Sempena Pelantikan Perdana Menteri Baharu Melalui Media Sosial Telah Mengelirukan Masyarakat.



**Graf 3: Pengisytiharan cuti umum Malaysia sempena pelantikan perdana menteri baharu melalui media sosial telah mengelirukan masyarakat.**

Penyebaran berita palsu berkaitan dengan pengisytiharan cuti umum Malaysia sempena pelantikan perdana menteri baharu melalui media sosial telah mengelirukan masyarakat dapat dibuktikan melalui hasil dapatan soal selidik. Graf 3 menunjukkan sebanyak 90 orang responden iaitu 60 peratus sangat setuju, 40 orang responden iaitu 27 peratus setuju dan 20 orang responden iaitu 13 peratus tidak pasti terhadap pernyataan tersebut.


Hal ini kerana sebahagian masyarakat kita terlalu seronok dengan adanya cuti umum tersebut sehingga tidak mengesahkan terlebih dahulu berita itu sahih ataupun sebaliknya dan terus menyebarkan berita tersebut. Selain itu, kenyataan palsu mengenai pengesahan jangkitan Covid-19 melibatkan staf Universiti Tun Hussein Onn juga telah menyebabkan semua warga UTHM mempunyai rasa bimbang yang sangat tinggi. Apabila berlakunya ketidaktepatan maklumat yang disebarluaskan ianya akan menimbulkan perasaan bingung dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, masyarakat yang beretika haruslah dibentuk supaya tidak menyebarkan maklumat dan berita palsu yang mengelirukan masyarakat walaupun tidak sengaja ataupun mempunyai tujuan.

- 3.2.4 Penyalahgunaan Jalur Lebar atau Internet untuk Penyebaran Berita Tidak Benar Dapat Membahayakan Keselamatan Negara.

Graf 4 di bawah menunjukkan tahap persetujuan sebanyak 150 responden terhadap sama ada penyalahgunaan jalur lebar atau internet untuk penyebaran berita tidak benar dapat membahayakan keselamatan negara. Seramai 79 orang responden (53%) sangat bersetuju dan 45 orang responden (30%) memilih setuju terhadap pernyataan tersebut. Selain itu, 10 orang responden (7%) memilih tidak pasti, 9 orang responden (6%) memilih tidak bersetuju dan 7 orang responden (4%) memilih sangat tidak setuju.

Hal ini kerana apabila menyalahgunakan jalur lebar atau internet dengan menyebarkan banyak maklumat dan berita tidak benar akan menyebabkan sesebuah negara terancam oleh negara luar yang lebih berkuasa dengan mengetahui tentang kelemahan-kelemahan negara mangsa tersebut dan mengambil kesempatan. Sebagai contoh, kes penghinaan Nabi Muhammad SAW yang dilakukan oleh pemegang akaun Facebook Foo Sing Wai dan Sally Yen seperti yang dilaporkan pada tahun 2019.

Malaysia merupakan negara yang mempunyai berbilang kaum. Apabila adanya berita atau maklumat palsu yang mewujudkan kebencian dan provokasi. Keadaan ini menjadi bahaya kerana Malaysia mungkin hancur dan tidak lagi dihormati di mata dunia dan akibatnya, rakyat akan menanggung rugi. Oleh itu, nilai etika haruslah disemai terhadap setiap individu supaya menjadi warganegara yang menyayangi negara masing-masing dengan tidak berbuat demikian kerana kestabilan dan keharmonian beragama yang dicapai kerana sekiranya gagal nilai perpaduan dalam negara diruntuhkan secara tidak langsung.



**Graf 4: Penyalahgunaan jalur lebar atau internet untuk penyebaran berita tidak benar dapat membahayakan keselamatan negara.**


### 3.2.5 Pendedahan Maklumat Negatif dan Palsu yang Berterusan akan Mempengaruhi Cara Seseorang Itu Berfikir, Bertindak dan Menyelesaikan Konflik.

Graf 5 menunjukkan daptan kajian tentang pendedahan maklumat negatif dan palsu yang berterusan akan mempengaruhi cara seseorang itu berfikir, bertindak dan menyelesaikan konflik.

Berdasarkan kepada graf tersebut, 70 orang responden (47 peratus) sangat bersetuju, 30 orang responden (20 peratus) bersetuju, 17 orang (11 peratus) tidak pasti dan 33 orang responden (22 peratus) tidak bersetuju dengan pernyataan di atas.

Hal ini kerana media massa sedikit demi sedikit membawa masyarakat ke suatu pola budaya baru dan mulai menentukan fikiran serta budaya perilaku masyarakat. Tanpa disedari media massa telah ikut mengatur jadual hidup kita serta menciptakan sejumlah keperluan. Oleh itu, jika maklumat palsu yang negatif mempengaruhi fikiran manusia secara perlahan-lahan, akhirnya akan berlaku pelbagai cara yang negatif seseorang untuk bertindak dan menyelesaikan konflik seperti menfitnah, bergaduh dan sebagainya.

Sebagai contoh, Menteri Kewangan Hesse, Jerman, dipercayai membunuh diri selepas dilihat ‘terlalu bimbang’ akan krisis ekonomi susulan penularan wabak COVID-19, kata pemimpin negeri itu, Volker Bouffier, hari ini. Penyebaran berita dan maklumat palsu tentang tiada ubat dapat menyembuhkan atau mencegah telah membimbangkan setiap lapisan masyarakat. Dengan adanya masyarakat yang beretika, mereka dapat membezakan bahawa setiap pemikiran, pertuturan dan perlakuan adalah baik atau tidak supaya tidak mengambil keputusan yang akan menyesal pada masa akan datang.



**Graf 5: Pendedahan maklumat negatif dan palsu yang berterusan akan mempengaruhi cara seseorang itu berfikir, bertindak dan menyelesaikan konflik**

#### 4. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, media massa dan media sosial merupakan alat telekomunikasi yang penting pada era kini. Teknologi yang wujud dan telah digunakan pada masa kini tidak salah tetapi pengaruh penyebaran berita dan maklumat melalui media sosial oleh masyarakat makin dirasakan dari semasa ke semasa dapat dibuktikan melalui analisis yang dijalankan dalam kajian ini adalah setuju dengan berlakunya impak negatif dalam kalangan warga UTHM. Hal ini kerana pengguna media sosial memiliki alternatif untuk menerima maklumat dan berita yang beredar di media sosial sama ada telah atau belum ditapis.

Penggunaan media sosial semakin popular dalam kehidupan masyarakat, timbulnya beberapa impak negatif secara tidak langsung. Impak yang dibawa akan mempengaruhi kepada aspek sosial, ekonomi dan juga politik. Oleh itu, kita haruslah mengetahui undang-undang atau peraturan yang telah ditetapkan oleh kerajaan negara masing-masing supaya dapat menggunakan media sosial dengan cara yang betul dan bijaksana bagi mengelakkan diri terjebak kepada sesuatu yang negatif.

Pengguna media sosial yang beretika mestilah mengetahui bahawa setiap keputusan dan tindakan yang dilakukan melalui media sosial adalah dipertanggungjawab oleh diri sendiri. Bagi mengatasi kesan negatif, beberapa langkah haruslah diambil sebelum isu ini tidak dapat dikawal. Dengan ini, setiap pengguna, ibu bapa, masyarakat dan kerajaan haruslah berganding bahu menyelesaikan isu ini dengan melahirkan pengguna media sosial yang beretika supaya pengguna media sosial mendapat lebih informasi tentang isu ini dan sedar tentang kesan serta bahaya penyalahgunaan media sosial.

#### Acknowledgement

The authors express their sincere gratitude to the Centre for General Studies and Co-curricular, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) for its support.

#### Rujukan

- [1] Dewan Masyarakat: Matthew Chan (2016). Elakkan Menjadi “Hamba” Media Sosial, Disember 2016, hlm 17.

- [2] Dedi Rianto Rahadi (2017). Perilaku pengguna dan informasi hoax di media social. Diambil daripada file:///C:/Users/User/AppData/Local/Temp/1342-3734-1-PB.pdf (6 Mac 2020).
- [3] Kanun (2018). Akta Antiberita Tidak Benar 2018 dan kesannya. Diambil daripada <https://malaysiadateline.com/akta-antiberita-tidak-benar-2018-dan-kesannya/> (5 Mac 2020).
- [4] Kalang, F. (2018). Cabaran media sosial dalam masyarakat dalam memastikan kestabilan dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Diambil daripada [https://www.slideshare.net/freedy\\_kalang/cabaran-media-sosial-dalam-masyarakatdalam-memastikan-kestabilan-dalam-masyarakat-berbilang-kaum-di-malaysia](https://www.slideshare.net/freedy_kalang/cabaran-media-sosial-dalam-masyarakatdalam-memastikan-kestabilan-dalam-masyarakat-berbilang-kaum-di-malaysia) (5 Mac 2020).
- [5] Sinar Harian (2018). 'Momo Challenge' rugut dua nyawa di Colombia. Diambil daripada <http://www.astroawani.com/berita-dunia/momo-challenge-rugut-dua-nyawa-di-colombia-184753> (5 April 2020).
- [6] Nor Azizah Mokhtar dan Faris Fuad (2020). COVID-19: Jangan terjebak sebar berita palsu. Diambil daripada <https://www.bharian.com.my/berita/national/2020/03/669293/covid-19-jangan-terjebak-sebar-berita-palsu>. (7 Mac 2020).
- [7] Taprial, Varinder & Kanwar, Priya (2012). Understanding Social Media. Ventus Publishing. ISBN [978-87- 7681-992-7].
- [8] Wartawan BH (2020). Kejutan pagi Sabtu, Tun M kembali dalam percaturan. Diambil daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/02/660588/kejutan-pagi-sabtu-tun-m-kembali-dalam-percaturan> (29 Mac 2020).
- [9] Youna Chatrine Bachtiar (2018). Hoax, media serta analisis wacana. Diambil daripada file:///C:/Users/User/AppData/Local/Temp/196-391-1-SM.pdf (7 Mac 2020).